

SOALAN NO: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]****TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)****SOALAN:**

YB Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah sumbangan Kerajaan terhadap mangsa banjir mengikut negeri dan apakah usaha ke arah pemulihan keadaan yang dialami mangsa akibat banjir.

124

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM97.14 juta untuk diagihkan sebagai wang ehsan kepada mangsa-mangsa banjir. Setiap mangsa ketua isi rumah akan menerima RM500. Setakat 9 Mac 2015 seramai 118,818 orang mangsa banjir telah dikenalpasti layak untuk menerima bantuan wang ehsan tersebut dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM59.409 juta. Proses pengagihan wang ehsan kepada semua mangsa sedang dilaksanakan dan dijangka akan selesai pada 30 Mac 2015.

Pecahan pengagihan wang ehsan mengikut negeri setakat 9 Mac 2015 adalah seperti berikut:

- i. Kelantan – RM34.885 juta (69,770 orang mangsa);
- ii. Terengganu – RM6.219 juta (12,348 orang mangsa);
- iii. Pahang – RM10.814 juta (21,627 orang mangsa);
- iv. Perak – RM3.651 juta (7,301 orang mangsa);
- v. Kedah – RM671,500 (1,343 orang mangsa);
- vi. Selangor – RM222,500 (445 orang mangsa);
- vii. Negeri Sembilan – RM113,500 (227 orang mangsa);

- viii. Johor – RM240,000 (480 orang mangsa);
- ix. Perlis – RM217,500 (435 orang mangsa);
- x. Sabah – RM1.179 juta (2,357 orang mangsa); dan
- xi. Sarawak – RM1.198 juta (2,395 orang mangsa).

Dalam usaha untuk memulihkan keadaan mangsa banjir, Kerajaan menyediakan program pembinaan rumah kekal baru dan program pembaikan rumah.

Sehingga 9 Mac 2015, sebanyak 2,094 buah rumah kekal baru dikenalpasti akan dibina. Adalah disasarkan semua rumah kekal baru ini selesai dibina sebelum bulan Ramadhan. Pecahan rumah kekal baru yang akan dibina mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i. Perak – 26 buah;
- ii. Terengganu – 17 buah;
- iii. Pahang – 224 buah; dan
- iv. Kelantan – 1,827 buah.

Untuk program pembaikan rumah, sehingga 9 Mac 2015, 5,150 permohonan telah diverifikasi dan disahkan layak untuk dibaiki dan 1,543 permohonan lagi sedang melalui proses verifikasi. Bilangan

176

permohonan yang telah diverifikasi mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i. Perak – 1,832 permohonan;
- ii. Pahang – 2,180 permohonan;
- iii. Terengganu – 178 permohonan; dan
- iv. Kelantan – 960 permohonan.

Selain dari tiga jenis bantuan tersebut yang disampaikan secara langsung oleh Kerajaan, Kerajaan juga melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) menyediakan geran sebanyak RM200 juta di bawah program bantuan ekonomi peniaga kecil yang boleh dipohon oleh peniaga dan usahawan kecil yang terjejas akibat banjir. AIM dan TEKUN masing-masing diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk tujuan tersebut.

Sekian. Terima kasih.